

# Rafidah: Komputer kaji kemajuan anak2 syarikat PKEN

KUALA LUMPUR, Selasa — Kementerian Perusahaan Awam sedang menjalankan kerja-kerja pengumpulan maklumat melalui komputer ke atas semua anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan agensi di bawah Kementerian itu bagi mengkaji kemajuannya serta menentukan syarikat itu tidak ditutup kerana rugi.

Kementerian itu juga dengan kerjasama sebuah agensi perunding, Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDF), sedang mengenalpasti beberapa syarikat kepunyaan PKEN serta memberi pengawasan

rapi ke atas syarikat-syarikat yang mungkin mengalami kerugian.

Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz berkata, langkah ini yang dikenali sebagai sistem amaran awalan terpaksa diambil bagi menentukan syarikat-syarikat yang masih wujud tidak mengalami nasib seperti 81 anak syarikat PKEN yang telah ditutup.

Tambahnya, dengan cara ini, Kementerian dapat mengesan dan memberi bantuan pengawasan rapi kepada syarikat-syarikat yang berpotensi besar untuk tutup kerana mengalami kerugian.

Akhir bulan lalu, Datin Paduka Rafidah memberitahu Parlimen, sehingga hujung September, 81 syarikat berbagai

PKEN dan agensi di bawah Kementerianya terpaksa ditutup.

Dari jumlah itu, 48 syarikat milik PKEN, dua milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPN), 30 syarikat milik Perbadanan Kemajuan Bandar (Uda) dan sebuah syarikat Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB).

Menurut beliau, sehingga September lalu, 48 dari 74 syarikat PKEN dijual kepada pengusaha-pengusaha yang berminat dan berkeyakinan untuk mengendalikan syarikat-syarikat berkenaan.

## Berminat

Katanya, kebanyakan syarikat itu ditutup berpunca dari kecuaihan dan tidak berpotensi di samping dari segi faktor teknikal dan juga iklim.

Datin Paduka Rafidah berkata, Kementerian sedang menjalankan kerja-kerja pengumpulan maklumat syarikat-syarikat yang ada dan darinya satu penyusunan pengurusan dan keputusan akan dibuat.

"Dengan maklumat yang kami dapat, Kementerian akan mengenalpasti syarikat-syarikat yang lemah dan langkah yang segera dapat diambil dari ia terus ditutup," katanya.

Maklumat-maklumat yang dikumpulkan, menurutnya, selain diperolehi dari syarikat itu juga disediakan oleh lembaga pengarah setiap syarikat dan lawatan-lawatan yang dikendalikan oleh Kementerian.

Tambahnya, MIDF diminta mengenalpasti syarikat-syarikat yang telah digolongkan dalam tiga bidang iaitu mengalami keadaan yang paling teruk, sedang menghadapi masalah dan yang akan mula menghadapi masalah.

Beliau menafikan dakwaan bahawa beberapa lagi syarikat seperti itu akan ditutup tidak lama lagi disebabkan mengalami beberapa masalah yang sama sebelum ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia